

Ikhwān al-Muslimīn

Dengan Apakah Tuan-tuan Berpandu Memilih Ketua, Pemimpin dan Wakil?

(Oleh Ishak Baharom, Dar al-'Ulūm, India)

Tiap-tiap orang Islam patut sedar dan mengerti yang mereka wajib mempercayai agama Islam yang dipeluknya ialah satu agama yang ada mempunyai undang-undang dan peraturan-peraturan yang cukup lengkap di dalam apa jua jurusan, dengan tidak berkecuali untuk dijadikan panduan hidup dengan tidak payah lagi mencari-cari dan meraba-raba kepada panduan yang lain. Undang-undang Islam yang serba lengkap itu bukanlah digubal dan disusun oleh sebarang manusia yang mempunyai akal fikiran yang serba kurang dan lemah, tetapi telah digubal oleh Raja bagi segala penggubal undang-undang (*khāliq al-khalaq*) Pencipta alam maya dan seluruh isinya yang Maha Mengetahui segala sesuatu zahir dan batinnya untuk menjadi panduan dan pedoman manusia yang sesuai dipakai pada sebilang masa.

Segala peraturan tersebut telah tersusun rapi di dalam kitab suci al-Qur'ān. Al-Qur'an ialah kompas bagi umat-umat Islam untuk panduan hidupnya dalam menuju keredaan Tuhan. Umat-umat Islam akan hidup melarat dan meraba-raba serta tak sudah-sudahnya menemui kegagalan dan kecewa dalam perjuangan hidupnya andai kata mereka meninggalkan panduan tersebut yang telah diamanahkan oleh Tuhan kepadanya.

Rasulullah (S.A.W.) pernah memberi ingat dan amaran kepada orang-orang Muslimin ketika hampir wafatnya, sebagaimana sabdanya: *Innī taraktu fikum amrayn lan taḍillū in tamassaktum bihimā kitāb Allāh wa sunnah rasūlihi*. Ertinya: Aku telah tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak sekali-kali akan sesat meraba-raba kalau kamu berpandu dengan kedua-duanya iaitu: Kitab Allah (al-Qur'ān) dan sunnah Rasul-Nya (hadis).

Kaumku Muslimin! Perlu tuan-tuan menyemak semula dengan cermat dan penuh keinsafan akan segala kerja, gerak langkah dan tindak laku yang telah dan sedang tuan-tuan lakukan sehari-hari. Adakah segala-galanya itu tuan-tuan lakukan mengikut panduan Allah dan Rasul-Nya atau panduan siapa? Jika tuan-tuan berpandu dengan lain dari ajaran Allah dan Rasul-Nya, maka berertilah yang tuan-tuan termasuk ke dalam lingkungan orang yang derhaka kepada Allah dan melawan perintah-Nya.

Suatu Pertanyaan

Saya hendak bertanya kepada kaumku Muslimin satu daripada beberapa perkara yang sudah dan sedang tuan-tuan lakukan. Iaitu: dengan apakah tuan-tuan berpandu dalam masa memilih pemimpin, ketua dan wakil tuan? Adakah

tuan-tuan berpandu dengan ajaran Allah dan Rasul-Nya sebagai sifatnya tuan-tuan orang Muslimin?

Saya suka menitikberatkan di dalam tulisan saya ini di atas soal tersebut, kerana sejak tercapainya kemerdekaan negara kita Malaya yang pemerintahannya berdasarkan demokrasi, maka soal memilih pemimpin, ketua dan wakil-wakil di dalam apa juga majlis mesyuarat adalah terserah di tangan rakyat dengan sepenuhnya. Maka rakyat berhak dan bebas memilih ketua, pemimpin dan wakil mereka dari orang yang dipercayai dan disukainya untuk menyelenggarakan untung nasib mereka supaya dibela. Ini adalah satu perkara yang patut kita banggakan.

Di samping itu yang lebih membanggakan dan menggembirakan kita kaum Muslimin iaitu tentang agama Islam telah dirasmikan menjadi agama rasmi bagi negara Malaya. Kerana itu adalah menjadi idaman kepada umat Muslimin yang cintakan agamanya. Benar, Islam ialah agama tunggal yang telah dipeluk oleh seluruh umat Melayu semenjak zaman berzaman dengan tidak dihalang rintang dari mana-mana pihak pun di dalam perkembangannya tetapi apa yang diharap dengan perasmian tadi, iaitu sudah pastilah menjadi satu tugas penting dan tanggungjawab yang tegas bagi pihak pemerintah berikhtiar dengan segala daya upayanya untuk memupuk agama Islam supaya dapat hidup dengan suburnya di dalam dada tiap-tiap umat Islam biar sesuai nama dengan hakikatnya yang tinggi lagi mulia itu. Sehingga dapatlah negara Tanah Melayu merupakan sebagai sebuah negara Islam zahir dan batinnya menurut ertikata yang sebenarnya.

Tidak bererti sama sekali bahkan sia-sialah sahaja jika Islam dijadikan semboyan yang dipekik-pekikkan

dan dicatit namanya sahaja sedang tuntutan-tuntutan dan kehendak-kehendak Islam tidak hendak dilaksanakan dan diamalkan mengikut semestinya oleh pemerintah dan rakyatnya.

Dalam soal memilih pemimpin dan ketua seterusnya wakil. Maka Islam adalah sangat mengambil perhatian dan memandang berat terhadapnya. Kerana dari hasil dan buah pemilihan itulah terletaklah rahsia kebahagiaan dan keselamatan sesuatu umat atau sebaliknya. Kerana tiap-tiap pemimpin atau ketua ada mempunyai daya yang amat berkesan sekali yang boleh membentuk dan mencorakkan orang yang dipimpinya mengikut kehendaknya. Dan rakyat nanti akan terseret ideologi yang diperjuangkan oleh ketua atau pemimpin tadi. Kalau pemimpin itu berfahaman sosialisme umpamanya maka masa demi masa seluruh rakyat akan terbentuk sedemikian juga. Begitulah

Sudah siap

Serial Wanita 2

Hukum Bersuci

Buku ini disusun mengenai hukum-hukum bersuci bagi wanita. Dibuat serba ringkas dan mudah difaham.

Berguna untuk tiap-tiap rumah untuk mengajar anak-anak perempuan hukum bersuci.

Disusun oleh Ummu Muhsin.

Senaskhah 40 sen pos 10 sen.

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.

seterusnya kalau pemimpin atau ketua itu berfaham Islamisme, komunisme, kapitalisme, dan

Kaedah ini bukanlah satu dakwaan kosong sahaja tetapi sejarah telah membuktikan dengan nyatanya. Selaklah kembali lembaran sejarah pada zaman purba dan zaman sekarang ini, bagi orang yang mau menyelidiki dan mengetahui kebenarannya.

Dengan sebab pentingnya soal pemilihan itu dipandang dari kaca mata Islam maka Tuhan telah mengaturkan satu susunan undang-undang berkenaan dengan untuk menjadi panduan bagi umat Islam dalam melaksanakan tugas tersebut, supaya orang-orang Islam dapat hidup dengan aman bahagia di bawah pimpinan menuju keredaan Allah dan Rasul-Nya.

Islam memandang soal pemilihan ialah suatu amanah penting yang mesti dikawal dan dijaga dengan baiknya, kalau betul kawalannya maka berertilah orang itu telah menunaikan amanahnya dan bahagialah hidupnya, dan sebaliknya jika tidak dikawal dengan semestinya maka bermakna ia telah berkhianat kepada amanahnya dan kecelakaan jua yang akan menyimpannya di dunia ini sebagaimana ia akan menerima azab yang pedih pada hari akhirat kelak sebagai kesan balas dari perbuatan khianatnya itu.

Demi untuk kebahagiaan dan keselamatan umat Islam maka Rasulullah pernah berpesan kepada umatnya di atas perkara-perkara tersebut sebagaimana sabdanya: *Idhā qī'at al-amānah fa intazir al-sā'ah. Qālū: kayfa idā'athā yā rasūl Allāh? Qāla: idhā isnada al-amru ilā ghayr ahlihi fa intazir al-sā'ah.* Ertinya: Apabila telah hilang amanah tunggulah saat kehancurannya. Sahabat bertanya: bagaimana hilang amanah itu ya Rasulullah? Jawab Rasulullah: bila diserahkan sebarang urusan kepada yang bukan ahlinya nantilah saat keruntuhannya.

Dalam memilih ahli untuk memegang amanah kita sudah tentu berkehendak satu panduan. Maka bagi orang Muslimin yang ada mempunyai undang-undang yang cukup tidaklah berhajat lagi meraba-raba dan mencari-cari selain dari apa yang telah ditunjukkan oleh Allah.

Di sini dipersilakan menyemak undang-undang yang telah disusun oleh Allah berkenaan memilih pemimpin, ketua dan wakil. Dan bandingkanlah dengan sikap tuan-tuan di dalam perkara tersebut. Adakah berbetulan dengan pertunjuk Allah atau tidak? Jika tidak berertilah yang tuan-tuan telah membelakangkan Allah dan ajaran-ajaran-Nya.

Panduan al-Quran Mengenai Pemilihan

Firman Allah Taala: *Yā ayyuha alladhīna āmanū lā tattakhidhū al-kāfirīna awliyā'a min dūni al-mu'minīna aturīdūna an taj'alū lillāhi 'alaykum sulṭānan mubīnan. (Āyah 144 al-Nisā')* maksudnya: Wahai orang yang beriman! Jangan kamu pilih orang kafir untuk dijadikan pentadbir kamu selain dari orang Mukmin. Adakah kamu suka dijadikan pemilihan kamu (dari golongan orang kafir) itu sebagai satu tanda yang nyata di atas nifāq (munafik) kamu kepada Allah?

Yā ayyuha alladhīna āmanū lā tattakhidhū 'aduwwī wa 'aduwwakum awliyā'a tulqūna ilayhim bi al-mawaddah wa qad kafarū bimā jā'akum min al-ḥaqqi yukhrijūna al-rasūla wa iyyākum an tu'minū billāhi rabbikum in kuntum kharajtum jihādan fī sabīlī wa ibtighā'a mardāī tusirrūna ilayhim bi al-mawaddah wa anā a'lamu bimā akhfaytum wa mā a'lantum wa man yaf'alhu minkum faqad ḍalla sawā'a al-sabīl. (Ayat 1 al-Mumtaḥanah). Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu pilih seteruku dan juga seteru kamu untuk dijadikan ketua-ketua yang kamu sayang dan mencintai kepadanya. Sesungguhnya mereka itu telah kufur dengan kebenaran (agama Islam) yang telah disampaikan kepada kamu.

Mereka telah mengeluarkan Rasulullah dan kamu sebab kamu beriman dengan Allah Tuhan kamu. Apabila kamu keluar kerana berjihad pada jalan-Ku dan mencari keredaan-Ku maka jangan kamu jadikan mereka itu pemimpin. Kamu sampaikan rahsia-rahsia Nabi kepada mereka, kerana cinta kamu kepada mereka. Aku amat mengetahui perkara yang kamu sembunyikan dan kamu zahirkan. Barangsiapa dari kamu yang berbuat demikian, maka sesungguhnya ia telah sesat dari jalan yang benar.

Yā ayyuhā alladhīna āmanū lā tatakhdhū alladhīna ittakhadhū dīnakum huzuwan wa la'iban min alladhīna ūtū al-kitāb min qablikum wa al-kuffār awliyā'a wa ittaqū Allāh in kuntum mu'minīn. (Ayat 57 *al-Mā'idah*). Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu pilih akan orang yang mempersenda-sendakan dan mempermain-mainkan agama kamu (Islam) dari lingkungan orang yang telah diberikan kitab sebelum dari kamu dan orang-orang kafir, untuk dijadikan pemimpin-pemimpin kamu. Dan takut oleh kamu akan Allah, jika sebenarnya kamu beriman.

Yā ayyuhā alladhīna āmanū lā tattakhidhū al-yahūda wa al-naṣārā awliyā'a ba'dhum awliyā'u ba'dīn wa man yatawallahum minkum fā innahu minhum inna Allāh lā yahdī al-qawm al-ẓālimīn. (Ayat 51 *al-Mā'idah*). Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Jangan kamu lantik orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin kamu. Setengah mereka berketuakan setengahnya yang lain, dan siapa dari kamu yang memilih juga mereka itu maka adalah ia dihitung dari golongan mereka, bahawasanya Allah tidak memberi pertunjuk akan kaum yang zalim.

[Wā] lā yattakhidhū al-mu'minīna al-kāfirīna awliyā'a min dūni al-mu'minīna wa man yaf'al dhālika fa laysa min Allāh fi shay'in illā an tattaqū minhum tuqāh wa yuḥadhdhirukum Allāh nafsah wa ilā Allāh

al-maṣīr. (Ayat 28 *Āli 'Imrān*). Maksudnya: Jangan orang-orang yang Mukmin memilih akan orang-orang kafir untuk dijadikan pemimpin selain dari orang-orang mukmin. Dan barangsiapa memilih juga akan mereka itu maka bukanlah ia dari ahli agama Allah (Islam), melainkan jika kamu takutkan fitnah daripada mereka itu. Allah memberi amaran kepada kamu. Ingat! Kepada Allah tempat kamu kembali.

Innamā walīyukum Allāh wa rasūluhu wa alladhīna āmanū alladhīna yuqīmūna al-ṣalāh wa yu'tūna al-zakāh wa hum rāki'ūn.

*Wa man yatawalla Allāh wa rasūluhu wa alladhīna āmanū fa inna ḥizba Allāh hum al-ghālibūn*². (Ayah 55 *al-Mā'idah*). Maksudnya: Bahawasanya Pentadbir kamu ialah Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mengerjakan sembahyang dan menunaikan zakat dengan hati yang khusyuk dan barangsiapa memilih Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang yang Mukmin sebagai pemerintahnya maka

“Akan engkau maki-maki lagi Muhammad?”

Aku telah beragama dengan agama Muhammad dan akan aku ucapkan apa yang diucapkan Muhammad. Kalau engkau berani cuba balas pukulanku” – ini ialah perkataan Hamzah bin ‘Abd al-Mutalib ketika memukul Abu Jahl.

Hamzah

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara Nabi! Sejarahnya ini disebut di dalam buku Syuhada' Islam 1 dengan nama:

Singa Allah

Hamzah bin ‘Abd al-Mutalib

Ceritanya bersemangat dan membawa semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senaskhah hanya 50 sen pos 10 sen.

¹ Ayat sebenar tanpa Wa

² Surah al-Mā'idah ayat 56

bahawasanya parti Allah (pendukung-pendukung agama Allah) sahaja yang akan beroleh kemenangan.

Yā ayyuhā alladhīna āmanū lā tattakhidhū biṭānatan min dūnikum lā ya'lūnakum khabālan waddū mā 'anittum qad badati al-baghdā'u min afwāhihim wa mā tukhfti šudūruhum akbar qad bayyannā lakum al-āyāt in kuntum ta'qilūn. (Ayat 118 Āli 'Imrān).

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu lantik sebagai sahabat karib kamu orang yang lain agama dari golongan kamu. Mereka itu tidak putus-putusnya berusaha memusnahkan kamu, mereka bercita-cita pula menyusahkan kamu. Sesungguhnya telah zahir permusan³ dari kata-kata mereka. Tetapi apa yang terpendam di hati sanubari mereka terlebih dahsyat dari itu. Sesungguhnya Kami telah beritahu kamu akan tanda-tandanya jika kamu mau berfikir.

Kesimpulan

Kalau kita periksa dengan lanjut maka kita akan dapati beberapa kesimpulan seperti berikut:

1. Orang-orang Islam wajib memilih pemimpin, ketua dan wakil yang mentadbirkan urusan mereka terdiri dari orang-orang Islam. Jikalau ia memilih selain daripada orang Islam maka bukanlah ia orang yang sebenar-benarnya beriman. Ini dapat difahamkan dari *āyah 57 Surah al-Mā'idah*, iaitu (*in kuntum mu'minīn*), dari *ayah 51 Surah al-Mā'idah*, iaitu (*wa man yatawallahum minkum fa innahu minhum*) dan *āyah 28 Surah Āli 'Imrān*. Iaitu (*wa man yaf'al dhālika fa laysa min Allāh fi shay'in*).

2. Orang yang dipilih itu selain daripada orang yang ahli dan mengerti akan tugas jawatan yang ditanggungkan kepadanya maka hendaklah orang itu tidak Islamnya pada mulutnya sahaja tetapi terbukti pula pada

amalannya iaitu mengerjakan sembahyang, mengeluarkan zakat atau lebih jelas lagi orang yang mengerjakan perintah Allah dan meninggalkan larangannya. Ini dapat difahamkan dari *āyah 55 Surah al-Mā'idah*, iaitu (*alladhīna yuqīmūna al-ṣalāh wa yu'tūna al-zakāh wa hum rāki'ūn*).

3. Orang-orang Islam pasti beroleh kemenangan dan kejayaan, kalau mereka itu patuh dan mengikut cara pemilihan yang dikehendaki oleh Allah. Percaya kebolehan sendiri dan berani mengadap ujian dengan tidak ragu-ragu dan gentar. Ini adalah sifat utama. Hal ini dapat difahamkan dari ayat *55 Surah al-Mā'idah*, iaitu (*wa man yatawalla Allāh wa rasūlahu wa alladhīna āmanū fa inna ḥizba Allāh hum al-ghālibūn*)⁴.

4. Orang yang bukan Islam sentiasa memusuhi Islam, mengkhianati agama, negara dan bangsa kita. Tidakkah kita orang Islam telah mendapat cukup pelajaran dan pengalaman pada masa-masa yang silam? Cuba ulangkaji! Allah sentiasa mengingatkan orang Muslimin dalam hal itu, sebagaimana dapat difahamkan dari *āyah 118 Surah Āli 'Imrān*, iaitu (*lā ya'lūnakum khabālan waddū mā 'anittum qad badati al-baghdā'u min afwāhihim wa mā tukhfti šudūruhum akbar*).

Sungguhpun ada di dapati di dalam ayat-ayat tersebut ditujukan kepada satu-satu pihak sahaja, seumpama ditujukan kepada kafir Yahudi atau Nasrani atau kaum kafir dalam zaman Rasulullah, tetapi ulama *mufasssīrīn* sebulat kata mengatakan: Tiap-tiap ayat Qur'an tidak dipakaikan kepada satu-satu pihak yang ditujunya sahaja tetapi hendaklah dipakai kepada umum (segala jenis kaum yang bukan Islam).

³ Permusuhan

⁴ Surah al-Mā'idah Ayat 56

Kaumku Muslimin. Segeralah kembali kepada pertunjuk dan ajaran Allah (Qur'ān dan Hadith) dengan hati yang penuh keyakinan. Ingatlah! Itulah dia panduan yang boleh memimpin dan menyelamatkan kita di dunia dan di akhirat. Kita tetap menang, kita tetap maju, kita tetap berdaulat, asalkan kita mengutamakan isi Islam tidak kulitnya. Ingat pesan Tuhan: *La tahinu wa la tahzanū wa antum al-ā'ilūn*. (Jangan kamu merasa hina dan jangan kamu berdukacita, kamulah yang tertinggi) tetapi dengan syarat “*In kuntum mu'minīn*” (Jika kamu beriman). Dan ingatlah! Islam melarang memilih orang-orang yang bukan Islam tidak berarti kita tidak boleh bersehidup, berkawan, berjiran, bergaul, bermuamalah dan bernegara dengan orang-orang kafir. Tidak! semuanya boleh,

tetapi tiap-tiap sesuatu ada mempunyai undang-undang yang tertentu yang telah diaturkan oleh Tuhan dengan lengkapnya. Sehingga kita tidak dianiayai oleh mereka dan tidak kita bersifat penganiaya. Bukankah agama Islam berdasarkan keadilan masyarakat? Lihat undang-undang kita: *Wa lā yajrimannakum shan'ānu qawmin 'alā allā ta'dilū i'dilū huwa aqrabu li al-taqwā wa ittaqū Allāh inna Allāh khabīrun bimā ta'malūn*. Maksudnya: Janganlah sama sekali kemarahan kamu kepada sesuatu kaum itu menyebabkan kamu berlaku tidak adil, jalankanlah keadilan kerana itu terlebih hampir kepada takwa, dan takut olehmu akan Allah. Bahawasanya Allah Maha Mengetahui tindak laku kamu.

Sekian, *wa billāh al-tawfiq*.



Ahli jawatankuasa Pembina Masjid Cameron Highlands (yang tersiar dalam bilangan QALAM yang lalu) sedang berbaris menyambut ketibaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Dari kanan: Penghulu Cik (Yang Dipertua), Kadi Tuan Haji Muhammad Nor (Setiausaha), Ustaz Hashim (Bendahari). – Kiriman Ramli Ros.